

agro

Khazanah herba UPM

Taman Konservatori UPM himpun 500 spesies tumbuhan asli, eksotik

Oleh AZMAN ZAKARIA

UMPAMA tempat sehenti bagi tumbuhan asli dan eksotik, Taman Konservatori Universiti Putra Malaysia (UPM) menghimpunkan koleksi hampir 500 spesies tumbuhan berkenaan.

Taman seluas kira-kira satu hektar ini juga menjadi lokasi penyelidikan, pembelajaran, rujukan dan rekreasi alam.

Lengkap dengan nurseri atau tapak semaian, ia juga dikunjungi pelawat yang ingin mendapatkan tumbuhan untuk tujuan herba dan perubatan tradisional.

Taman ini dahulunya adalah kawasan ladang getah dan diuruskan oleh Unit Ladang Universiti pada awal tahun 1980-an, sebelum diserahkan kepada Institut Biosains (IBS) pada 1996 untuk tujuan aktiviti penyelidikan.

Pegawai Pertanian IBS, Rishzuan Talib berkata taman itu dibahagikan kepada 11 zon mengikut fungsi, kegunaan dan jenis tumbuhan.

Zon berkenaan adalah Zon Halia, Tumbuhan Ubatan, paku-pakis, ulaman, tumbuhan akuatik, orkid liar, periuk kera, keladi, rempah ratus, tumbuhan wangian

dan buah-buahan hutan.

Fokus utama taman ini adalah terhadap tumbuhan herba. Di zon Tumbuhan Ubatan, ada kira-kira 200 spesies yang asli dan eksotik yang terdapat di negara ini, antaranya mata pelanduk (*Ardisiacrenata*) dan Lembu (*Molineria capitulata*).

Rishzuan berkata, tanam ikon di taman ini ialah keladi murai atau belimbing tanah (*Tacca integrifolia*) kerana kehebatannya untuk perubatan bagi penyakit kencing manis dan darah tinggi.

Tumbuhan ubatan lain di sini termasuk tongkat ali (*Eurycoma longifolia*), kacip fatimah (*Labisia pumila*), tongkat ali hitam (*Polyathia bullata* King), tunjuk langit (*Helminthostachys zeylanica*), pecah kaca atau pecah beling (*Strobilanthes crispata*), putat (*Barringtonia racemosa*), mahkota dewa (*Phaleria macrocarpa*), senduduk putih (*Melastoma decemfidum*), belalai gajah (*Clinacanthus nutans*) dan hempedu bumi (*Andrographis paniculata*). Katanya, kebanyakan spesies di zon Tumbuhan Ubatan ini diperoleh dari hutan Semenanjung Malaysia.

Menurutnya, spesies yang ditanam mempunyai nilai perubatan untuk menjadi alternatif kepada ubat. Ada antaranya yang jarang dilihat dan sukar diperolehi.

RISHZUAN TALIB bersama pokok herba.



PELAWAT diberi penerangan mengenai tumbuh-tumbuhan dan herba ketika lawatan ke Taman Konservatori.



Di Zon Halia pula, terdapat kira-kira 100 spesies iaitu hampir separuh daripada jumlah spesies yang terdapat di Malaysia, antaranya tepus (*Zingiber spectabile*) dan kantan hutan (*Etilingera terengganuensis*).

Koleksi ulaman di Zon Ulaman pula mempunyai kira-kira 50 spesies yang dikumpulkan dari hutan dan kebun sayur-sayuran, antaranya daun gajus (*Anacardium occidentale*) dan daun salam (*Syzygium polyanthum*).

Di Zon Tumbuhan Wangian, terdapat kira-kira 50 spesies tumbuhan wangian merangkumi spesies asli dan eksotik. Penyebaran haruman bagi spesies yang terdapat di sini adalah melalui beberapa komponen penting pada tumbuhan seperti bunga, daun, kulit batang, buah, luahan getah, serta akar seperti cempaka (*Michelia champaca*) dan hidung babi (*Rothmania macrophylla*).

Rishzuan berkata, Taman Konservatori ini yang termasuk dalam sebahagian daripada program Edu-Park UPM, memperkenalkan tiga modul untuk pelawat yang berkunjung iaitu Meneroka Taman, Spa Herba dan Bawaku Pulang dengan bayaran yang minimum.

Menerusi modul Meneroka Taman, pengunjung akan dibawa berjalan melalui laluan khas di kawasan taman oleh petugas sambil memberi penerangan



UPM memang kampus hijau

BERDASARKAN statistik hijau UPM, daripada jumlah keseluruhan keluasan kampus iaitu 33 juta meter persegi, hanya 620 ribu meter persegi sahaja yang digunakan untuk mendirikan bangunan.

Sejumlah 45.8 peratus kampus UPM diliputi kawasan hutan dan tumbuhan, manakala 51.2 peratus lagi diliputi tanaman, ladang dan kawasan berumput.

Menurut Naib Canselornya, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris**, kelebihan UPM yang mewah dari segi persekitaran hijau yang semula jadi tersebut menjadikannya dikenali sebagai kampus hijau.

Jelasnya lagi, UPM juga bercita-cita dan berhasrat untuk membangunkan kampus hijau tersebut sehingga menjadi sebuah Taman Botani dan usaha ke arah itu sedang giat dijalankan.

"Sebagai contoh, aktiviti penanaman pokok yang diusahakan UPM dengan Mitsubishi Corporation sejak 1991 telah menyaksikan lebih 500,000 biji benih pokok daripada 130 spesies tempatan ditanam di kawasan seluas 47.5 hektar, di kampus Bintulu, Sarawak.

"Sebanyak 25,000 biji benih pokok lagi telah ditanam di kawasan seluas 27 hektar di UPM Kampus Serdang, Selangor," ujarnya.

Justeru, kerjasama UPM dan Mitsubishi selama 25 tahun menjalankan projek penanaman pokok itu akan dijadikan contoh dan diperluas untuk memastikan kelestarian persekitaran

UPM.

Taman Botani adalah taman yang berupaya memelihara tumbuh-tumbuhan asli yang dikategorikan sebagai terancam dan bernilai di Malaysia.

Katanya, Taman Botani tersebut akan dibangunkan dengan kaedah pengurusan yang terbaik, menyediakan maklumat yang informatif bagi setiap spesies pokok pada paparan dan lokasi yang sesuai.



DR. AINI IDERIS

"Pokok-pokok tersebut juga akan diselenggarakan dengan berkesan sekali gus memastikan persekitaran hijau UPM ceria dengan flora yang mewarnai landskap kampus," katanya.

Tanggungjawab merealisasikan idea tersebut diserahkan kepada pihak Taman Pertanian Universiti (TPU), Fakulti Perhutanan, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina serta pejabat pembangunan.

"Untuk memberi impak yang lebih signifikan kepada UPM sebagai Taman Botani, kita juga sedang membangunkan sebuah *Children's Garden and Sensory Garden* yang diwujudkan dalam ekosistem hijau UPM.

"*Children's Garden and Sensory Garden* ialah persekitaran taman yang direka bertujuan merangsang deria penglihatan, bau, sentuhan, rasa, dan bunyi melalui tumbuhan dan penggunaan tanaman yang bersesuaian," katanya.

Taman jenis itu adalah penting dan mampu memberi manfaat khususnya

kepada kanak-kanak, komuniti kampus dan masyarakat, terutama mereka yang mempunyai masalah berkaitan deria, termasuk autisme dan kurang upaya.

Untuk menjayakan inisiatif tersebut, Fakulti Pertanian dan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan *Children's Garden and Sensory Garden* yang dijangka siap pada hujung 2016.

Sebagai Kampus Hijau, UPM telah menerima pengiktirafan antarabangsa apabila ditempatkan pada *ranking* ke-17 di dunia dan pertama di Asia pada 2015.

Selain itu, institusi berkenaan turut mengekalkan kedudukan teratas di Malaysia selama enam tahun berturut-turut bagi *UI-Green Metric World University Ranking*.

"Di sebalik kekuatan yang kita miliki, saya ingin mengajukan satu persoalan penting, iaitu "Adakah komuniti UPM benar-benar faham dan komited terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar?"

"Komitmen yang saya maksudkan ialah tindakan serius warga UPM dalam memastikan "amalan hijau" dibudayakan pada semua peringkat serta melibatkan keseluruhan komuniti kampus," katanya.

Bagi menyokong matlamat pembangunan lestari, Hospital Pengajaran UPM yang kini dalam pembinaan juga turut mengaplikasikan teknologi hijau. Walau bagaimanapun, kebanyakan projek hijau UPM tidak dilaksanakan secara konsisten dan menyeluruh, dan adakalanya tiada kerjasama yang efisien antara setiap bahagian yang terlibat.

KAWASAN kampus hijau UPM memang luas.



Taman Konservatori ini yang termasuk dalam sebahagian daripada program Edu-Park UPM, memperkenalkan tiga modul untuk pelawat yang berkunjung iaitu Meneroka Taman, Spa Herba dan Bawaku Pulang dengan bayaran yang minimum."

mengenai pokok-pokok yang ada.

Setiap pokok juga ditanda dengan nama saintifik, nama tempatan serta kegunaannya. Pokok-pokok itu juga ditandai dengan pengenalan identiti dan maklumat mengenainya disimpan dalam pangkalan data yang boleh diperolehi dengan melayari laman web. Terdapat kemudahan wifi di sini.

Pengunjung juga boleh mengikuti modul SPA Herba iaitu demonstrasi mandian herba. Ia bagi menyegegar badan, melancarkan peredaran darah serta untuk orang yang baharu bersalin.

Katanya, tujuh jenis bahan atau daun mandian digunakan termasuk limau kasturi, pokok lemuni, serai wangi, lengkuas dan daun kantan yang diracik sebelum dimasukkan ke dalam periuk tanah. Ia mengeluarkan aroma yang menyegegar.

Bahan-bahan itu juga dijual dalam bentuk buntut pada harga RM30 bagi setiap kotak yang mengandungi lima buntut. Setiap buntut boleh digunakan dua kali.

Sementara modul Bawaku Pulang pula terbahagi kepada dua iaitu mewarna flora bagi kanak-kanak, manakala bagi dewasa adalah demonstrasi penanaman dan pembiakan herba.